


**AKTA (PERANCANGAN) WILAYAH
PERSEKUTUAN 1982
(AKTA 267)**

**KAEDAH-KAEDAH (PERANCANGAN) (LEMBAGA RAYUAN)
WILAYAH PERSEKUTUAN 1997**

P.U.(A) 376/1997

SENARAI PINDAAN :

BIL.	NO. P.U.(A) NO. P.U.(B)	TARIKH DIWARTAKAN	CATITAN
1			
2			
3			
4			
5			
6			
7			
8			



MALAYSIA

**Warta Kerajaan
SERI PADUKA BAGINDA
DITERBITKAN DENGAN KUASA**

*HIS MAJESTY'S GOVERNMENT GAZETTE
PUBLISHED BY AUTHORITY*

Jil. 41
No. 20

2hb Oktober 1997

*TAMBAHAN No. 67
PERUNDANGAN (A)*

P.U. (A) 376.

**AKTA (PERANCANGAN) WILAYAH
PERSEKUTUAN 1982**

**KAEDAH-KAEDAH (PERANCANGAN) (LEMBAGA RAYUAN)
WILAYAH PERSEKUTUAN 1997**

SUSUNAN KAEDAH-KAEDAH

BAHAGIAN I

PERMULAAN

Kaedah

1. Nama.
2. Tafsiran.

BAHAGIAN II

PENDAFTAR DAN REKOD RUJUKAN

3. Pendaftar.
4. Memfailkan rayuan.
5. Tugas Pendaftar apabila notis rayuan difailkan.

Kaedah

6. Penyediaan dan penyerahan penyata, alasan dan dokumen.
7. Rekod rujukan dan penyampaian.

BAHAGIAN III

PROSIDING DAN PENDENGARAN

8. Persidangan Lembitaga Rayuan.
9. Butir-butir lanjut dan jelas dan pindaan.
10. Prosedur pendengaran.
11. Kétakhadiran.
12. Penarikan balik rayuan.
13. Rayuan yang didengar sebahagian.

BAHAGIAN IV

AM

14. Saman kepada saksi.
15. Meterai rasmi.
16. Pelanjutan masa.
17. Hak hadir.
18. Penggantungan pelaksanaan.
19. Pemakaian kaedah-kaedah bagi mahkamah rendah.
20. Mencatatkan perintah dalam Daftar Rayuan.
21. Bentuk perintah.

JADUAL.

AKTA (PERANCANGAN) WILAYAH PERSEKUTUAN 1982

**KAEDAH-KAEDAH (PERANCANGAN) (LEMBAGA RAYUAN)
WILAYAH PERSEKUTUAN 1997**

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen 45(14) Akta (Perancangan) Wilayah Persekutuan 1982, Menteri membuat *Akta 267*, kaedah-kaedah yang berikut:

BAHAGIAN I

PERMULAAN

1. Kaedah-kaedah ini bolehlah dinamakan **Kaedah-Kaedah Nama (Perancangan) (Lembaga Rayuan) Wilayah Persekutuan 1997**.
2. Dalam Kaedah-Kaedah ini, melainkan jika konteksnya *Tafsiran*, menghendaki makna yang lain—

“Borang” erti suatu borang yang dinyatakan dalam Jadual kepada Kaedah-Kaedah ini dan borang yang disebut dengan menggunakan suatu nombor erti borang yang dinomborkan sedemikian dalam Jadual itu;

“peguamcara” mempunyai erti yang diberikan kepadanya dalam Akta Profesional Undang-Undang 1976; *Akta 166*.

“Pendaftar” erti Pendaftar Lembaga Rayuan yang dilantik di bawah kaedah 3;

“Pengerusi” erti Pengerusi Lembaga Rayuan yang dilantik di bawah seksyen 45 Akta;

“perayu” erti orang yang terkilan oleh keputusan Datuk Bandar di bawah subseksyen 23(1), 25(8), 30(2), 30(7) atau 42(1) Akta.

BAHAGIAN II

PENDAFTAR DAN REKOD RUJUKAN

3. (1) Seseorang Pendaftar hendaklah dilantik oleh Menteri dari kalangan pegawai Jabatan yang bertanggungjawab bagi Wilayah Persekutuan. *Pendaftar*.
- (2) Pendaftar hendaklah menyebabkan supaya disimpan dalam Borang 1 suatu Daftar Rayuan.

Memfailkan rayuan

4. (1) Suatu rayuan kepada Lembaga Rayuan hendaklah dimulakan dengan memfailkan di pejabat Pendaftar, dengan seberapa banyak salinan notis rayuan mengikut bilangan pihak yang hendak disampaikan, suatu notis rayuan—

- (a) jika ia adalah suatu rayuan menurut subseksyen 23(1) Akta, dalam Borang 2 dalam tempoh satu bulan dari tarikh keputusan Datuk Bandar disampaikan;
 - (b) jika ia adalah suatu rayuan menurut subseksyen 25(8) Akta, dalam Borang 3 dalam tempoh dua bulan dari tarikh pemberitahuan tawaran atau apa-apa bayaran pembayaran balik atau pampasan;
 - (c) jika ia adalah suatu rayuan menurut subseksyen 30(2) Akta, dalam Borang 4 dalam tempoh dua bulan dari tarikh penyampaian notis permintaan;
 - (d) jika ia adalah suatu rayuan menurut subseksyen 30(7) Akta, dalam Borang 3 dalam tempoh dua bulan dari tarikh pemberitahuan tawaran pampasan sebagai mematuhi notis permintaan; atau
 - (e) jika ia adalah suatu rayuan menurut subseksyen 42(1) Akta, dalam Borang 3 dalam tempoh dua bulan dari tarikh perintah atau perintah perubahan bagi bayaran caj pembangunan.
- (2) Apabila notis rayuan difailkan, perayu hendaklah—
- (a) membayar fee sebanyak lima ratus ringgit bagi memfailkan notis rayuan; dan
 - (b) mendepositkan dengan Pendaftar sejumlah wang sebanyak satu ribu ringgit untuk menampung kos menyediakan salinan rekod rujukan yang mencukupi bagi kegunaan Lembaga Rayuan dan pihak-pihak dalam rayuan itu.

Tugas Pendaftar apabila notis rayuan difailkan

5. Apabila notis rayuan difailkan, Pendaftar hendaklah—

- (a) mencatatkan butir-butir rayuan dalam Daftar Rayuan sebagaimana yang dinyatakan dalam Borang 1 dan memberi nombor rujukan catatan;
- (b) dengan serta-merta menyampaikan sesalinan notis rayuan kepada Datuk Bandar yang terhadap keputusannya rayuan itu dibuat.

Penyediaan dan penyerahan penyata, alasan dan dokumen

6. (1) Apabila notis rayuan diterima daripada Pendaftar, Datuk Bandar hendaklah dengan serta-merta—

- (a) menyediakan penyata fakta kes dan sebab atau alasan bagi keputusan atau tindakan Datuk Bandar yang dipertikaikan;
- (b) mengumpulkan segala dokumen dan surat-menjurat yang berhubungan dengan pertikaian itu; dan
- (c) menyediakan dan mengumpulkan apa-apa dokumen atau ekshibit lain yang diminta oleh Pendaftar.

(2) Datuk Bandar hendaklah, dalam tempoh dua bulan apabila menerima notis rayuan, menyerahkan kepada Pendaftar, satu set dokumen yang dinyatakan dalam subkaedah (1).

(3) Jika rayuan itu dimulakan menurut subseksyen 23(1) Akta, perayu bolehlah, dalam tempoh dua bulan dari tarikh memfailkan notis rayuan, memfailkan di pejabat Pendaftar suatu penyata bersama dengan apa-apa dokumen atau ekhibit yang relevan kepada perkara yang dipertikaikan.

(4) Pendaftar hendaklah menentukan bilangan salinan yang mencukupi bagi maksud rayuan untuk difailkan oleh perayu di bawah subkaedah (3).

7. (1) Apabila menerima dokumen-dokumen yang dinyatakan dalam kaedah 6, Pendaftar hendaklah menyediakan bilangan salinan rekod rujukan yang dikehendaki yang mengandungi dokumen-dokumen yang berikut:

Rekod rujukan dan penyampaian.

- (a) notis rayuan;
- (b) segala perkara yang difailkan dan diterima oleh Pendaftar menurut kaedah 6; dan
- (c) segala ekhibit dokumentar dan dokumen-dokumen lain yang Pendaftar atau pihak-pihak itu berpendapat adalah relevan bagi maksud rayuan itu.

(2) Sebaik sahaja rekod rujukan itu siap, Pendaftar hendaklah menyampaikan kepada perayu suatu notis dalam Borang 5.

(3) Jika deposit yang disebut dalam perenggan 4(2)(b) tidak mencukupi untuk menampung kos menyediakan salinan rekod rujukan yang mencukupi, perayu hendaklah, dalam tempoh empat belas hari dari tarikh penyampaian notis dalam Borang 5, membayar sejumlah wang tambahan yang ditentukan untuk membayai kos menyediakan rekod rujukan kepada Pendaftar. Jika perayu gagal untuk membuat pembayaran itu dalam tempoh yang ditentukan, rayuan itu hendaklah disifatkan telah ditarik balik.

(4) Apabila dibayar sejumlah wang yang disebut dalam subkaedah (3), Pendaftar hendaklah—

- (a) membekalkan perayu dengan suatu salinan rekod rujukan;
- (b) membekalkan Datuk Bandar dengan suatu salinan rekod rujukan; dan
- (c) menghantar kepada Pengerusi dan dua orang ahli yang diminta oleh Pengerusi untuk berkhidmat bersamanya di Lembaga Rayuan, suatu salinan rekod rujukan.

BAHAGIAN III

PROSIDING DAN PENDENGARAN

Persidangan Lembaga Rayuan. 8. (1) Lembaga Rayuan hendaklah bermesyuarat di mana-mana tempat di dalam Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur yang Pengerusi boleh, dari semasa ke semasa tentukan.

(2) Pendaftar, atas arahan Pengerusi, hendaklah menyampaikan kepada pihak-pihak dalam rayuan dengan suatu notis dalam Borang 6 memberitahu mereka tarikh, masa dan tempat pendengaran sekurang-kurangnya sepuluh hari genap sebelum pendengaran.

Butir-butir lanjut dan jelas dan pindaan.

9. Pengerusi boleh, pada bila-bila masa—

- (a) menghendaki perayu atau Datuk Bandar, dalam masa yang ditentukan, memberi butir-butir lanjut dan jelas mengenai apa-apa perkara yang difikirkannya perlu bagi Lembaga Rayuan;
- (b) membenarkan apa-apa permohonan oleh perayu atau Datuk Bandar untuk meminda mana-mana dokumen, notis atau penyata dalam rekod rujukan atas terma yang difikirkannya patut.

Prosedur pendengaran.

10. Tertakluk kepada peruntukan Akta dan Kaedah-Kaedah ini, prosedur yang berikut hendaklah terpakai berhubungan dengan pendengaran rayuan oleh Lembaga Rayuan:

- (a) melainkan jika ditentukan sebaliknya oleh Pengerusi, perayu hendaklah memulakan dan hendaklah mempunyai hak yang terakhir untuk menjawab dan pihak-pihak lain hendaklah didengar mengikut giliran yang ditentukan oleh Pengerusi;
- (b) perayu dan Datuk Bandar adalah berhak untuk memanggil orang yang memberi keterangan dan memeriksa balas orang yang memberi keterangan dan boleh berucap pada Lembaga Rayuan mengenai segala perkara yang dibangkitkan dalam prosiding;
- (c) keterangan boleh diberi secara lisan atau, dengan affidavit, jika perayu dan Datuk Bandar bersetuju atau diperintahkan oleh Pengerusi, tetapi Pengerusi boleh pada mana-mana peringkat prosiding membuat suatu perintah menghendaki kehadiran diri deponen untuk diperiksa dan diperiksa balas;
- (d) segala keterangan yang diberi hendaklah secara bersumpah melainkan jika diarahkan sebaliknya oleh Pengerusi. Orang yang mengendalikan sumpah atau ikrar hendaklah seorang Pendaftar atau mana-mana orang lain yang diberikuasa oleh Pengerusi;
- (e) peruntukan undang-undang yang berhubungan dengan keterangan tidaklah terpakai bagi prosiding di hadapan Lembaga Rayuan;

- (f) Lembaga Rayuan boleh mengemukakan apa-apa soalan kepada mana-mana saksi dan boleh memaksa dia untuk mengemukakan apa-apa dokumen yang dia mempunyai kuasa untuk mengemukakan;
 - (g) apa-apa pernyataan bertulis atau keterangan dokumentar yang dikemukakan hendaklah ditanda sebagai ekshibit dan hendaklah menjadi sebahagian daripada rekod;
 - (h) Pengerusi hendaklah mengambil atau menyebabkan nota keterangan yang diberi diambil dan setakat mana didapati perlu, hujah yang dibuat oleh perayu dan Datuk Bandar;
 - (i) di akhir pendengaran atau pada tarikh lain yang ditentukan oleh Pengerusi, Pengerusi hendaklah memberikan keputusan Lembaga Rayuan dan Pengerusi hendaklah menyatakan dengan ringkas alasan bagi keputusan itu;
 - (j) Pengerusi boleh menangguhkan prosiding dari semasa ke semasa dan boleh mengenakan terma apabila berbuat demikian; dan
 - (k) Lembaga Rayuan boleh memeriksa mana-mana tempat yang mengenainya apa-apa soalan dibangkitkan dalam perkara itu dan segala perbelanjaan adalah menjadi kos dalam prosiding.
11. (1) Jika, apabila Lembaga Rayuan bersidang untuk pendengaran— *Ketakhadiran.*
- (a) perayu atau Datuk Bandar tidak hadir, rayuan boleh ditolak oleh Pengerusi;
 - (b) perayu tidak hadir, Pengerusi boleh menolak rayuan itu; atau
 - (c) Datuk Bandar tidak hadir, Lembaga Rayuan boleh mendengar dan memutuskan rayuan dalam ketakhadirannya.
- (2) Jika rayuan itu telah diputuskan dalam ketakhadiran satu pihak, Pengerusi boleh, atas permohonan yang dibuat oleh pihak itu dalam tempoh empat belas hari dari tarikh keputusannya, dan jika dia berpuas hati bahawa alasan yang munasabah bagi ketakhadiran itu adalah mencukupi, mengenepikan apa-apa keputusan yang dibuat olehnya dan memasukkan semula rayuan itu.
- (3) Jika rayuan dimasukkan semula di bawah subkaedah (2), Pendaftar hendaklah memberi suatu notis kemasukan semula dan pendengaran rayuan dalam Borang 7 kepada perayu dan Datuk Bandar.
12. (1) Perayu boleh pada bila-bila masa menarik balik rayuannya— *Penarikan balik rayuan.*
- (a) sebelum rayuan didengar dengan memfaillkan suatu notis pemberhentian dalam Borang 8 di pejabat Pendaftar dan menyampaikan sesalinannya kepada Datuk Bandar; atau
 - (b) semasa pendengaran rayuan dijalankan, dengan membuat permohonan lisan kepada Lembaga Rayuan.

(2) Apabila notis pemberhentian diterima atau atas permohonan perayu di bawah perenggan (1)(b), Pengerusi Lembaga Rayuan boleh membatalkan rayuan itu dengan kos.

(3) Perayu adalah bertanggungan membayar segala perbelanjaan atau kos yang ditanggung oleh Datuk Bandar atau Pendaftar berhubungan dengan rayuan itu.

Rayuan yang didengar sebahagian.

13. Jika suatu rayuan didengar sebahagian dan terdapat pertukaran Pengerusi atau mana-mana ahli, Pengerusi baru atau ahli baru boleh terus mendengar rayuan atau mendengar semula rayuan itu.

BAHAGIAN IV

AM

Saman kepada saksi.

14. (1) Setiap saman kepada saksi untuk menghadiri prosiding Lembaga Rayuan hendaklah dibuat dalam Borang 9 dan hendaklah disampaikan kepadanya sendiri.

(2) Setiap saman untuk mengemukakan dokumen kepada Lembaga Rayuan hendaklah dalam Borang 10 dan hendaklah disampaikan kepada orang yang disaman itu sendiri.

Meterai rasmi.

15. (1) Lembaga Rayuan hendaklah mempunyai suatu meterai rasmi dan ia hendaklah disimpan dalam jagaan Pendaftar.

(2) Setiap saman, notis, award, perintah, keputusan, atau dokumen lain yang dikeluarkan, dibuat atau diberikan oleh Lembaga Rayuan hendaklah ditandatangani oleh Pengerusi atau Pendaftar, mengikut mana-mana yang berkenaan, dan dimeterai dengan meterai rasmi Lembaga Rayuan.

Pelanjutan masa.

16. Masa yang ditetapkan oleh atau di bawah Kaedah-Kaedah ini bagi apa-apa tindakan boleh dilanjutkan atas terma yang ditentukan oleh Pengerusi atas permohonan kepada Pengerusi oleh pihak yang berkenaan.

Hak hadir.

17. Dalam mana-mana rayuan—

- (a) Datuk Bandar boleh diwakili oleh mana-mana pegawainya yang dilantik atau oleh peguamcara atau mana-mana orang lain; dan
- (b) perayu boleh hadir bagi dirinya atau diwakili oleh peguamcara atau mana-mana orang lain yang dibenarkan oleh Lembaga Rayuan.

Penggantungan pelaksanaan.

18. Pemfailan suatu notis rayuan tidaklah boleh berkuatkuasa sebagai penggantungan pelaksanaan, tetapi Pengerusi boleh, atas permohonan dan atas sebab yang mencukupi yang ditunjukkan, membenarkan penggantungan pelaksanaan atas apa-apa terma sebagaimana yang difikirkannya patut.

19. Jika tidak diperuntukkan selainnya oleh Akta atau Kaedah-Kaedah ini—

Pemakaian
kaedah-kaedah
bagi mahkamah
rendah.

- (a) Lembaga Rayuan boleh mengawalselia prosidingnya dengan memberi perhatian kepada kaedah-kaedah yang terpakai bagi mahkamah rendah dalam mana-mana guaman atau perkara sivil; dan
- (b) borang-borang yang digunakan dalam mahkamah yang disebut dalam perenggan (a) boleh digunakan dengan ubahsuai yang perlu dalam prosiding di hadapan Lembaga Rayuan.

20. Pendaftar mestilah mencatat dalam Daftar Rayuan setiap keputusan yang dibuat oleh Lembaga Rayuan.

Mencatatkan
perintah dalam
Daftar Rayuan.

21. Keputusan yang dibuat oleh Lembaga Rayuan hendaklah dalam bentuk suatu perintah seperti dalam Borang 11(a), (b) atau (c), mengikut mana-mana yang berkenaan, dan hendaklah ditanda dengan nama Pengerusi Lembaga Rayuan dan hendaklah dimeterai.

Bentuk perintah.

**JADUAL
BORANG 1**

AKTA (PERANCANGAN) WILAYAH PERSEKUTUAN 1982

**KAEDAH-KAEDAH (PERANCANGAN) (LEMBAGA RAYUAN)
WILAYAH PERSEKUTUAN 1997**

(Subkaedah 3(2))

DAFTAR RAYUAN

<i>Nombor Rujukan</i>	<i>Tarikh Dikeluar- kan</i>	<i>Nama Perayu (Peguam- caranya jika ada, dan alamat penyampaian)</i>	<i>Nama Pihak/ Pihak-Pihak yang satu lagi (Peguam- caranya jika ada dan alamat penyampaian)</i>	<i>Ringkasan Perihal Rayuan</i>	<i>Ringkasan Perihal keputusan, perintah, award dll. Lembaga Rayuan dan diberi kepada siapa</i>	<i>Catatan</i>

BORANG 2**AKTA (PERANCANGAN) WILAYAH PERSEKUTUAN 1982****KAEDAH-KAEDAH (PERANCANGAN) (LEMBAGA RAYUAN)
WILAYAH PERSEKUTUAN 1997**

(Perenggan 4(1)(a))

**NOTIS RAYUAN TERHADAP KEPUTUSAN DATUK BANDAR
KUALA LUMPUR**

Rayuan No.

Pendaftar,
Lembaga Rayuan,

.....
.....

*Saya/Kami.....
K.P. No. beralamat di
(alamat)

.....
dengan ini merayu kepada Lembaga Rayuan terhadap keputusan Datuk Bandar Kuala Lumpur yang dibuat pada
(tarikh)

*enggan memberi kebenaran perancangan/memberi kebenaran perancangan tertakluk kepada syarat-syarat.

*Saya/Kami adalah *tuanpunya berdaftar/penerima pajak berdaftar/pemegang amanah/wakil diri/ejen tuanpunya berdaftar Lot No.Daerah Mukim.di.....

Alasan rayuan ialah.....
.....

Segala komunikasi mengenai rayuan hendaklah dialamatkan kepada *saya/kami di alamat yang ditunjukkan di atas [kepada *peguamcara/ejen saya/kami,.....
di.....].]

Bersama-sama ini disertakan sesalinan keputusan Datuk Bandar Kuala Lumpur.

Tarikh:.....
(Tandatangan perayu)

*Potong mana-mana yang tidak terpakai.

BORANG 3**AKTA (PERANCANGAN) WILAYAH PERSEKUTUAN 1982**

KAEDAH-KAEDAH (PERANCANGAN) (LEMBAGA RAYUAN)
WILAYAH PERSEKUTUAN 1997

(Perenggan 4(1)(b), (d) dan (e))

**NOTIS RAYUAN TERHADAP AMAUN PEMBAYARAN BALIK/ PAMPASAN
YANG DITAWAR ATAU DIBAYAR/CAJ PEMBANGUNAN**

Rayuan No.

Pendaftar,
Lembaga Rayuan,

.....
.....

*Saya/Kami.....

K.P. No. beralamat di.....
.....
.....

(alamat)

dengan ini merayu kepada Lembaga Rayuan terhadap keputusan Datuk Bandar Kuala Lumpur yang dibuat pada.....berkenaan dengan—
..... (tarikh)

- (i) *pembayaran balik/pampasan *yang ditawar/dibayar kepada saya/kami menurut subseksyen 25(8) atau 30(7);
- (ii) amaun caj pembangunan menurut subseksyen 42(I).

*Saya/Kami adalah *tuanpunya berdaftar/penerima pajak berdaftar/pemegang amanah/wakil diri/ejen tuanpunya berdaftar Lot No.
Daerah..... Mukim.....
di.....

Alasan rayuan ialah.....
.....
.....

Segala komunikasi mengenai rayuan hendaklah dialamatkan kepada *saya/kami di alamat yang ditunjukkan di atas (kepada *peguamcara/ejen saya/kami, di.....])

Bersama-sama ini disertakan sesalinan tawaran *pembayaran balik/pampasan/tuntutan bagi pembayaran caj pembangunan oleh Datuk Bandar Kuala Lumpur kepada saya.

Tarikh:.....
.....
.....
.....

(Tandatangan perayu)

*Potong mana-mana yang tidak terpakai.

BORANG 4**AKTA (PERANCANGAN) WILAYAH PERSEKUTUAN 1982****KAEDAH-KAEDAH (PERANCANGAN) (LEMBAGA RAYUAN)
WILAYAH PERSEKUTUAN 1997**

(Perenggan 4(1)(c))

NOTIS RAYUAN TERHADAP NOTIS PERMINTAAN

Rayuan No.

Pendaftar,
Lembaga Rayuan,
.....
.....

*Saya/Kami.....
K.P. No.beralamat di.....
(alamat)

dengan ini merayu kepada Lembaga Rayuan terhadap notis permintaan yang disampaikan kepada *saya/kami pada.....
(tarikh)
oleh Datuk Bandar Kuala Lumpur.

*Saya/Kami adalah *tuampunya berdaftar/penerima pajak berdaftar/pemegang amanah/wakil diri/ejen tuampunya berdaftar Lot No.
Daerah..... Mukim.....
di

*Saya/Kami merayu terhadap *segala kehendak notis permintaan/kehendak notis permintaan yang berikut:.....
.....

Alasan rayuan ialah.....
.....

Segala komunikasi mengenai rayuan hendaklah dialamatkan kepada *saya/kami di alamat yang ditunjukkan di atas *[kepada peguamcara/ejen saya/kami, di.....]

Bersama-sama ini disertakan sesalinan notis permintaan itu.

Tarikh:.....
(Tandatangan perayu)

*Potong mana-mana yang tidak terpakai.

BORANG 5**AKTA (PERANCANGAN) WILAYAH PERSEKUTUAN 1982**

KAEDAH-KAEDAH (PERANCANGAN) (LEMBAGA RAYUAN)
WILAYAH PERSEKUTUAN 1997

(Subkaedah 7(2))

NOTIS BAHAWA REKOD RUJUKAN TELAH SIAP

Rayuan No.

ANTARA

.....,Perayu

DAN

.....,Responden

Kepada:

.....
.....

AMBIL PERHATIAN bahawa rekod rujukan dalam prosiding yang disebut di atas telah siap dan bahawa setelah menolak kos menyediakan rekod tersebut daripada deposit, sejumlah wang sebanyak..... adalah kena dibayar *kepada/oleh kamu.

AMBIL PERHATIAN JUGA bahawa sejumlah wang sebanyak..... yang kena dibayar oleh kamu hendaklah dibayar dalam tempoh empat belas hari dari tarikh notis ini.

Bertarikh..... haribulan 19.....

(METERAI).....
Pendaftar,
Lembaga Rayuan

*Potong mana-mana yang tidak terpakai.

BORANG 6

AKTA (PERANCANGAN) WILAYAH PERSEKUTUAN 1982

KAEDAH-KAEDAH (PERANCANGAN) (LEMBAGA RAYUAN)
WILAYAH PERSEKUTUAN 1997

(Subkaedah 8(2))

NOTIS PENDENGARAN RAYUAN

Rayuan No.

ANTARA

.....Perayu

DAN

.....Responden

Kepada:

.....
.....

AMBIL PERHATIAN bahawa Lembaga Rayuan akan meneruskan pendengaran rayuan dalam perkara ini di..... pada pukul.....pagi/petang pada.....19.....

AMBIL PERHATIAN bahawa jika kamu tidak hadir di hadapan Lembaga Rayuan pada tarikh, masa dan tempat yang disebut di atas, apa-apa perintah atau keputusan boleh dibuat sebagaimana yang difikirkan adil dan wajar oleh Lembaga Rayuan.

Bertarikh.....haribulan.....19.....

(METERAI)

.....
Pendaftar,
Lembaga Rayuan

BORANG 7**AKTA (PERANCANGAN) WILAYAH PERSEKUTUAN 1982****KAEDAH-KAEDAH (PERANCANGAN) (LEMBAGA RAYUAN)
WILAYAH PERSEKUTUAN 1997**

(Subkaedah 11(3))

NOTIS KEMASUKAN SEMULA RAYUAN DAN PENDENGARAN RAYUAN

Rayuan No.

ANTARA

..... Perayu

DAN

..... Responden

Kepada:

1.
2.

AMBIL PERHATIAN bahawa *rayuan yang dibatalkan semasa ketakhadiran pihak-pihak kepada rayuan/perintah yang dibuat oleh Lembaga Rayuan pada..... semasa ketakhadiran *perayu/responden telah diketepikan dan rayuan telah dimasukkan semula.

Kamu dikehendaki hadir di hadapan Lembaga Rayuan di..... pada..... 19..... pada pukul..... pagi/petang untuk pendengaran rayuan ini.

Bertarikh..... haribulan..... 19.....

(METERAI)

.....
*Pendaftar,
Lembaga Rayuan*

*Potong mana-mana yang tidak terpakai.

BORANG 8

AKTA (PERANCANGAN) WILAYAH PERSEKUTUAN 1982

KAEDAH-KAEDAH (PERANCANGAN) (LEMBAGA RAYUAN)
WILAYAH PERSEKUTUAN 1997

(Perenggan 12(1)(a))

NOTIS PEMBERHENTIAN

Rayuan No.

ANTARA

..... Perayu

DAN

..... Responden

Pendaftar,
Lembaga Rayuan,

.....
.....

AMBIL PERHATIAN bahawa perayu memberhentikan rayuan terhadap Datuk Bandar.

Tarikh:

.....
(Tanda tangan perayu)

BORANG 9

AKTA (PERANCANGAN) WILAYAH PERSEKUTUAN 1982

KAEDAH-KAEDAH (PERANCANGAN) (LEMBAGA RAYUAN)
WILAYAH PERSEKUTUAN 1997

(Subkaedah 14(1))

SAMAN KEPADA SAKSI UNTUK HADIR DI HADAPAN LEMBAGA RAYUAN

Rayuan No.

ANTARA

..... Perayu

DAN

..... Responden

Kepada:

.....
.....

Kamu dengan ini disaman untuk hadir di hadapan Lembaga Rayuan di pada pukul pagi/petang pada haribulan 19.... dari sehari ke sehari sehingga tamat prosiding di atas untuk memberi keterangan bagi pihak *Kamu juga dikehendaki membawa bersama dokumen-dokumen yang berikut:

.....

Kegagalan mematuhi saman akan menyebabkan kamu didakwa di bawah seksyen 174 Kanun Keseksaan.

Bertarikh.....haribulan.....19.....

(METERAI)

Pengerusi,
Lembaga Rayuan

*Potong jika tiada dokumen yang dibawa.

BORANG 10

AKTA (PERANCANGAN) WILAYAH PERSEKUTUAN 1982

KAEDAH-KAEDAH (PERANCANGAN) (LEMBAGA RAYUAN)
WILAYAH PERSEKUTUAN 1997

(Subkaedah 14(2))

SAMAN UNTUK MENGEJEMUKAKAN DOKUMEN

Rayuan No.

ANTARA

..... Perayu

DAN

..... Responden

Kepada:

.....
.....

Kamu dengan ini diperintahkan untuk mengemukakan, atau menyerahkan, kepada Lembaga Rayuan di..... pada pukul.....pagi/petang pada.....haribulan.....19..... dokumen-dokumen yang berikut:
.....

Kegagalan mematuhi saman ini akan menyebabkan kamu didakwa di bawah seksyen 174 Kanun Keseksaan.

Bertarikh.....haribulan.....19.....

(METERAI)

Pengerusi,
Lembaga Rayuan

BORANG 11**AKTA (PERANCANGAN) WILAYAH PERSEKUTUAN 1982**

KAEDAH-KAEDAH (PERANCANGAN) (LEMBAGA RAYUAN)
WILAYAH PERSEKUTUAN 1997

(Kaedah 21)

*DALAM LEMBAGA RAYUAN PERANCANGAN
 WILAYAH PERSEKUTUAN*

Rayuan No.

ANTARA

..... Perayu

DAN

..... Responden

PERINTAH(a) *Perintah memihak perayu/responden tanpa pendengaran*

Rayuan ini setelah dipanggil pada haribulan bagi pendengaran di hadapan Lembaga Rayuan dalam kehadiran *(perayu/responden) dan *(perayu/responden) tidak hadir.

Maka adalah pada hari ini diperintahkan bahawa
 (sebut perintah yang dibuat oleh Lembaga Rayuan) dan kos

Bertarikh..... haribulan..... 19.....

(METERAI)

.....
*Pengerusi,
 Lembaga Rayuan*

(b) *Perintah memihak perayu/responden selepas pendengaran*

Rayuan ini setelah didengar di hadapan Lembaga Rayuan pada haribulan 19.....

Adalah pada hari ini diperintahkan bahawa
 (sebut perintah yang dibuat oleh Lembaga Rayuan) dan kos seperti yang berikut:

Bertarikh..... haribulan..... 19.....

(METERAI)

.....
*Pengerusi,
 Lembaga Rayuan*

(c) *Perintah bagi kos responden atas pemberhentian*

Perayu melalui suatu notis bertulis bertarikh pada.....haribulan.....
memberhentikan rayuan ini.

Adalah pada hari ini diperintahkan bahawa perayu hendaklah membayar kepada Datuk
Bandar Kuala Lumpur RM.....sebagai kos.

Bertarikh.....haribulan.....19....

(METERAI)

.....
*Pengerusi,
Lembaga Rayuan*

*Potong mana-mana yang tidak terpakai.

Dibuat 30 Ogos 1997.
[JHEU²/33/91 (K); PN. (PU²) 396/III.]

DR. MAHATHIR BIN MOHAMAD,
Perdana Menteri

FEDERAL TERRITORY (PLANNING) ACT 1982

FEDERAL TERRITORY (PLANNING) (APPEAL BOARD)
RULES 1997

ARRANGEMENT OF RULES

PART I

PRELIMINARY

Rule

1. Citation.
2. Interpretation.

PART II

REGISTRAR AND REFERENCE RECORD

3. Registrar.
4. Filing of appeal.
5. Duty of Registrar upon filing of notice of appeal.
6. Preparation and delivery of statements, grounds and documents.
7. Reference record and service thereof.

PART III

PROCEEDINGS AND HEARINGS

8. Sitting of the Appeal Board.
9. Further and better particulars and amendments.
10. Procedure at hearing.
11. Non-appearance.
12. Withdrawal of appeal.
13. Appeal partly heard.

PART IV**GENERAL****Rule**

14. **Summons to witness.**
15. **Official seal.**
16. **Extension of time.**
17. **Right of audience.**
18. **Stay of execution.**
19. **Applicability of rules for the subordinate courts.**
20. **Entry of order in Register of Appeal.**
21. **Form of order.**

SCHEDULE.

FEDERAL TERRITORY (PLANNING) ACT 1982

FEDERAL TERRITORY (PLANNING) (APPEAL BOARD) RULES 1997

Act 267. IN exercise of the powers conferred by subsection 45(14) of the Federal Territory (Planning) Act 1982, the Minister makes the following rules:

PART I

PRELIMINARY

Citation. 1. These rules may be cited as the **Federal Territory (Planning) (Appeal Board) Rules 1997**.

Interpretation. 2. In these Rules, unless the context otherwise requires—

“appellant” means the person who is aggrieved by the decision of the Commissioner under subsection 23(1), 25(8), 30(2), 30(7) or 42(1) of the Act;

“Chairman” means the Chairman of the Appeal Board appointed under section 45 of the Act;

“Form” means a form set out in the Schedule to these Rules and a form referred to by a number means the form so numbered in that Schedule;

“Registrar” means the Registrar of the Appeal Board appointed under rule 3;

Act 166. “solicitor” has the meaning assigned thereto in the Legal Profession Act 1976.

PART II

REGISTRAR AND REFERENCE RECORD

Registrar. 3. (1) A Registrar shall be appointed by the Minister from amongst the officers of the Department responsible for the Federal Territory.

(2) The Registrar shall cause to be kept in Form 1 a Registrar of Appeals.

Filing of appeal. 4. (1) An appeal to the Appeal Board shall be brought by filing in the office of the Registrar, with as many copies thereof as there are parties to be served, a notice of appeal—

(a) if it is an appeal pursuant to subsection 23(1) of the Act, in Form 2 within one month from the date of communication of the decision of the Commissioner;

- (b) if it is an appeal pursuant to subsection 25(8) of the Act, in Form 3 within two months from the date of notification of the offer or payment of any reimbursement or compensation;
 - (c) if it is an appeal pursuant to subsection 30(2) of the Act, in Form 4 within two months from the date of service of the requisition notice;
 - (d) if it is an appeal pursuant to subsection 30(7) of the Act, in Form 3 within two months from the date of notification of the offer of compensation in compliance with the requisition notice; or
 - (e) if it is an appeal pursuant to subsection 42(1) of the Act, in Form 3 within two months from the date of order or variation order for payment of development charge.
- (2) Upon filing of the notice of appeal, the appellant shall—
- (a) pay a fee of five hundred ringgit for filing the notice of appeal; and
 - (b) deposit with the Registrar the sum of one thousand ringgit to cover the costs of preparing sufficient copies of reference record for the use of the Appeal Board and the parties to the appeal.
5. Upon filing of a notice of appeal, the Registrar shall—
- (a) enter the particulars of the appeal in the Register of Appeals as set out in Form 1 and give a reference number of the entry;
 - (b) forthwith serve a copy of the notice of appeal to the Commissioner from whose decision the appeal is brought against.
6. (1) Upon receiving the notice of appeal from the Registrar, the Commissioner shall forthwith—
- (a) prepare a statement of the facts of the case and of the reasons or grounds for decision or action of the Commissioner that is in dispute;
 - (b) compile together all documents and correspondence relating to the dispute; and
 - (c) prepare and compile any other documents or exhibits as may be requested by the Registrar.
- (2) The Commissioner shall, within two months upon receipt of the notice of appeal, deliver to the Registrar, one set of the documents set out in subrule (1).

Duty of Registrar
upon filing of
notice of appeal.

Preparation and
delivery of
statements,
grounds and
documents.

(3) Where the appeal is brought pursuant to subsection 23(1) of the Act, the appellant may, within two months from the date of filing of the notice of appeal, file with the office of the Registrar a statement together with any document or exhibit relevant to the matter in dispute.

(4) The Registrar shall determine the number of copies sufficient for the purposes of the appeal to be filed by the appellant under subrule (3).

Reference record
and service
thereof.

7. (1) Upon receipt of the documents set out in rule 6, the Registrar shall prepare the requisite number of copies of the reference record consisting of the following documents:

- (a) the notice of appeal;
- (b) all the matters filed and received by the Registrar pursuant to rule 6; and
- (c) all such documentary exhibits and other documents the Registrar or the parties consider relevant for purposes of the appeal.

(2) As soon as the reference record is ready, the Registrar shall serve on the appellant a notice in Form 5.

(3) If the deposit mentioned in paragraph 4(2)(b) is insufficient to cover the cost of preparing sufficient copies of the reference record, the appellant shall, within fourteen days from the date of service of the notice in Form 5, pay a further sum of money specified therein to defray the cost of preparing the reference record to the Registrar. If the appellant fails to make such payment within the specified period, the appeal shall be deemed to have been withdrawn.

(4) Upon payment of the sum mentioned in subrule (3), the Registrar shall—

- (a) supply the appellant with a copy of the reference record;
- (b) supply the Commissioner with a copy of the reference record; and
- (c) forward to the Chairman and the two members, called upon by the Chairman to serve with him on the Appeal Board, a copy each of the reference record.

PART III

PROCEEDINGS AND HEARINGS

Sitting of the
Appeal Board.

8. (1) The Appeal Board shall convene at such place within the Federal Territory of Kuala Lumpur as the Chairman may, from time to time determine.

(2) The Registrar, upon being directed by the Chairman, shall serve the parties to the appeal with a notice in Form 6 notifying them of the date, time and place of hearing at least ten clear days before the hearing.

9. The Chairman may, at any time—

- (a) require the appellant or the Commissioner, within a specified time, to furnish further and better particulars on any matter which appear to be necessary for the Appeal Board;
- (b) allow any application by the appellant or the Commissioner to amend any document, notice or statement in the reference record on such term as he deems fit.

Further and better particulars and amendments.

10. Subject to the provisions of the Act and these Rules, the following procedure shall apply in relation to the hearing of an appeal by the Appeal Board:

Procedure at bearing.

- (a) unless the Chairman otherwise determines, the appellant shall begin and shall have the final right of reply and the other parties shall be heard in such order as the Chairman may determine;
- (b) the appellant and the Commissioner shall be entitled to call evidence and cross-examine persons giving evidence and may address the Appeal Board with respect to all matters raised in the proceedings;
- (c) evidence may be given orally or, if the appellant and the Commissioner consent or the Chairman so orders, by affidavit, but the Chairman may at any stage of the proceedings make an order requiring the personal attendance of the deponent for examination and cross-examination;
- (d) all evidence given shall be on oath unless directed otherwise by the Chairman. The person to administer the oath or affirmation shall be the Registrar or such other person as the Chairman may authorize;
- (e) provisions of law relating to evidence shall not apply to proceedings before the Appeal Board;
- (f) the Appeal Board may put any question to any witness and may compel him to produce any document that is in his power to produce;
- (g) any written statement or documentary evidence tendered shall be marked as exhibits and shall form part of the record;
- (h) the Chairman shall take or cause to be taken notes of the evidence given and so far as appears desirable, of the submissions made by the appellant and the Commissioner;

- (i) at the conclusion of the hearing or at another date as determined by the Chairman, the Chairman shall deliver the decision of the Appeal Board and the Chairman shall state concisely the grounds for the decision;
- (j) the Chairman may adjourn the proceedings from time to time and may impose terms on doing so; and
- (k) the Appeal Board may inspect any place with respect to which any question arises in the matter and all such expenses shall be costs in the proceedings.

Non-appearance. 11. (1) If, when the Appeal Board sits for hearing—

- (a) neither the appellant or the Commissioner appears, the appeal may be dismissed by the Chairman;
- (b) the appellant does not appear, the Chairman may dismiss the appeal; or
- (c) the Commissioner does not appear, the Appeal Board may hear and determine the appeal in his absence.

(2) Where the appeal have been determined in the absence of one party, the Chairman may, on the application made by that party within fourteen days of the determination, and if he is satisfied that there was sufficient reasonable grounds for the absence, set aside any determination made by him and restore the appeal.

(3) Where the appeal is restored under subrule (2), the Registrar shall give a notice of restoration and hearing of the appeal in Form 7 to the appellant and the Commissioner.

Withdrawal of appeal. 12. (1) An appellant may at any time withdraw his appeal—

- (a) before the appeal is heard by filing a notice of discontinuance in Form 8 in the office of the Registrar and serving a copy thereof on the Commissioner; or
- (b) during the course of hearing of the appeal, by making an oral application to the Appeal Board.

(2) Upon receiving the notice of discontinuance or on the application of the appellant under paragraph (1)(b), the Chairman of the Appeal Board shall strike out the appeal with costs.

(3) The appellant shall be liable to pay for all expenses or costs incurred by the Commissioner or the Registrar in relation to the appeal.

Appeal partly heard. 13. Where an appeal is partly heard and there is a change of Chairman or any member, the new Chairman or the new member may continue to hear the appeal or hear the appeal *de novo*.

PART IV**GENERAL**

14. (1) Every summons to a witness to attend the proceedings of the Appeal Board shall be in Form 9 and shall be served on him personally. *Summons to witness.*

(2) Every summons to produce documents to the Appeal Board shall be in Form 10 and shall be served on the person summoned personally.

15. (1) The Appeal Board shall have an official seal which shall be kept in the custody of the Registrar. *Official seal.*

(2) Every summons, notice, award, order, decision, or other document issued, made or given by the Appeal Board shall be signed by the Chairman or the Registrar, as the case may be, and sealed with the official seal of the Appeal Board.

16. The time appointed by or under these Rules for doing any act may be extended upon such terms as the Chairman may determine on application to the Chairman by the party concerned. *Extension of time.*

17. In any appeal—

Right of audience.

(a) the Commissioner may be represented by any of his officers duly appointed or by a solicitor or any other person; and

(b) the appellant may appear on his own behalf or be represented by a solicitor or any other person allowed by the Appeal Board.

18. The filing of a notice of appeal shall not operate as a stay of execution, but the Chairman may on application and on sufficient cause being shown, grant stay of execution on such terms as he may think fit. *Stay of execution.*

19. Where it is not provided for otherwise by the Act or these Rules—

Applicability of rules for the subordinate courts.

(a) the Appeal Board may regulate its proceedings having regard to the rules applicable for the subordinate courts in any civil cause or matter; and

(b) forms which are in use in the courts mentioned in paragraph (a) may be used with the necessary modifications in proceedings before the Appeal Board.

20. The Registrar must enter in the Register of Appeals every decision made by the Appeal Board. *Entry of order in Register of Appeal.*

Form of order. 21. The decision made by the Appeal Board shall be in the form of an order in Form 11(a), (b) or (c), as the case may be, and shall be marked with the name of the Chairman of the Appeal Board and shall be sealed.

SCHEDULE

FORM 1

FEDERAL TERRITORY (PLANNING) ACT 1982

FEDERAL TERRITORY (PLANNING) (APPEAL BOARD) RULES 1997

(Subrule 3(2))

REGISTER OF APPEALS

Reference Number	Date of Issue	Name of Appellant (His solicitor, if any, and address for service)	Name of other Party/Parties (His solicitor if any, and address for service)	Brief Description of Appeal	Brief Description of decision order, award, etc. of Appeal Board and in whose favour	Remarks

FORM 2**FEDERAL TERRITORY (PLANNING) ACT 1982****FEDERAL TERRITORY (PLANNING) (APPEAL BOARD) RULES 1997**

(Paragraph 4(1)(a))

***NOTICE OF APPEAL AGAINST THE DECISION OF THE COMMISSIONER
OF THE CITY OF KUALA LUMPUR***

Appeal No.

The Registrar,
Appeal Board,

.....
.....

*I/We
N.R.I.C. No.of.....
(address)

do hereby appeal to the Appeal Board against the decision of the Commissioner of
the City of Kuala Lumpur made on.....
(date)

*refusing to grant planning permission/granting planning permission subject to conditions.

*I am/We are the *registered proprietor/registered lessee/trustee/personal
representative/agent of the registered proprietor of Lot No.....
District of..... Mukim of.....
in the.....

The grounds of appeal are.....
.....

All communications regarding the appeal should be addressed to *me/us at the
address shown above [to *my/our solicitor/agent,...
.....
of.....]

Attached herewith a copy of the decision of the Commissioner of the City of
Kuala Lumpur.

Date:.....
(Signature of appellant)

*Delete whichever is not applicable.

FORM 3**FEDERAL TERRITORY (PLANNING) ACT 1982****FEDERAL TERRITORY (PLANNING) (APPEAL BOARD) RULES 1997**

(Paragraphs 4(1)(b), (d) and (e))

***NOTICE OF APPEAL AGAINST THE AMOUNT OF REIMBURSEMENT/
COMPENSATION OFFERED OR PAID/DEVELOPMENT CHARGE***

Appeal No.

The Registrar,
Appeal Board,

.....
.....

*I/We.....
N.R.I.C. No.of
(address)

do hereby appeal to the Appeal Board against the decision of the Commissioner of
the City of Kuala Lumpur made on
(date)
in respect of—

- (i) the *reimbursement/compensation *offered/paid to me/us pursuant to subsection 25(8) or 30(7).
- (ii) the amount of development charge pursuant to subsection 42(1).

*I am/We are the *registered proprietor/registered lessee/trustee/personal
representative/agent of the registered proprietor of Lot No.
District ofMukim of.....
in the

The grounds of appeal are

.....
.....

All communication regarding the appeal should be addressed to *me/us at the
address shown above [to *my/our solicitor/agent,
of.....]

Attached herewith a copy of the offer of *reimbursement/compensation/demand
for payment of development charge by the Commissioner to me.

Date:.....
(Signature of appellant)

*Delete whichever is not applicable.

FORM 4**FEDERAL TERRITORY (PLANNING) ACT 1982****FEDERAL TERRITORY (PLANNING) (APPEAL BOARD) RULES 1997**

(Paragraph 4(1)(c))

NOTICE OF APPEAL AGAINST A REQUISITION NOTICE

Appeal No.

The Registrar,
Appeal Board,.....
.....

*I/We

N.R.I.C. No. of
(address).....
do hereby appeal to the Appeal Board against the requisition notice served on *me/
us on by the Commissioner of the City of Kuala Lumpur.
*(date)**I am/We are the *registered proprietor/registered lessee/trustee/personal
representative/agent of the registered proprietor of Lot No.
District of Mukim of
in the.....*I/We appeal against *all the requirements of the requisition notice/the following
requirements of the requisition notice:
.....All communications regarding the appeal should be addressed to *me/us at the
address shown above *[to my/our solicitor/agent,
of.....]

Attached herewith a copy of the requisition notice.

Date:

(Signature of appellant)

*Delete whichever is not applicable.

FORM 5

FEDERAL TERRITORY (PLANNING) ACT 1982

FEDERAL TERRITORY (PLANNING) (APPEAL BOARD) RULES 1997

(Subrule 7(2))

NOTICE THAT REFERENCE RECORD IS READY

Appeal No.

BETWEEN

..... **Appellant**

AND

..... **Respondent**

To:

.....
.....

TAKE NOTICE that the reference record in the above-mentioned proceedings is ready and that after deducting the costs of preparing such records from the deposit, a sum ofis due *to/from you.

TAKE NOTICE ALSO that the sum ofdue from you shall be paid within fourteen days from the date of this notice.

Datedday of.....19.....

(SEAL)

.....
*Registrar,
Appeal Board*

*Delete whichever is not applicable.

FORM 6**FEDERAL TERRITORY (PLANNING) ACT 1982****FEDERAL TERRITORY (PLANNING) (APPEAL BOARD) RULES 1997**

(Subrule 8(2))

NOTICE OF HEARING OF APPEAL

Appeal No.

BETWEEN..... **Appellant****AND**..... **Respondent**

To:

.....
.....

TAKE NOTICE that the Appeal Board will proceed with the hearing of the appeal in this matter at
at..... o'clock in the forenoon/afternoon on day of.....
19.....

TAKE NOTICE that if you do not attend before the Appeal Board at the date, time and place above mentioned, such order or decision may be made as the Appeal Board may consider just and expedient.

Dated.....day of 19.....

(SEAL)

.....
*Registrar,
Appeal Board*

FORM 7

FEDERAL TERRITORY (PLANNING) ACT 1982

FEDERAL TERRITORY (PLANNING) (APPEAL BOARD) RULES 1997

(Subrule 11(3))

NOTICE OF RESTORATION AND HEARING OF APPEAL

Appeal No.

BETWEEN

..... Appellant

AND

..... Respondent

To:

1.
2.

TAKE NOTICE that *the appeal which was struck out in the absence of the parties to the appeal/the order made by the Appeal Board onin the absence of the *appellant/respondent has been set aside and the appeal has been restored.

You are required to attend the Appeal Board at
on.....of19.....atam/pm for hearing
of the appeal.

Datedday of.....19....

(SEAL)

.....
*Registrar,
Appeal Board*

*Delete whichever is not applicable.

FORM 8**FEDERAL TERRITORY (PLANNING) ACT 1982****FEDERAL TERRITORY (PLANNING) (APPEAL BOARD) RULES 1997**

(Paragraph 12(1)(a))

NOTICE OF DISCONTINUANCE

Appeal No.

BETWEEN..... **Appellant****AND**..... **Respondent**The Registrar,
Appeal Board,

TAKE NOTICE that the appellant discontinues the appeal against the Commissioner.

Date:

(Signature of appellant)

FORM 9**FEDERAL TERRITORY (PLANNING) ACT 1982****FEDERAL TERRITORY (PLANNING) (APPEAL BOARD) RULES 1997**

(Subrule 14(1))

SUMMONS TO A WITNESS TO ATTEND BEFORE THE APPEAL BOARD

Appeal No.

BETWEEN..... **Appellant****AND**..... **Respondent**

To:

.....
.....

You are hereby summoned to appear before the Appeal Board at

.....

at.....o'clock in the forenoon/afternoon on19.....
and from day to day until the end of the above proceedings to give evidence on
behalf of*You are also required to
bring with you the following documents:

.....
.....
Failure to comply with the summons will render you liable to prosecution under
section 174 of the Penal Code.

Datedday of19.....

(SEAL)

.....
*Chairman,
Appeal Board*

* Delete if no documents are to be brought.

FORM 10

FEDERAL TERRITORY (PLANNING) ACT 1982

FEDERAL TERRITORY (PLANNING) (APPEAL BOARD) RULES 1997

(Subrule 14(2))

SUMMONS TO PRODUCE DOCUMENTS

Appeal No.

BETWEEN

.....Appellant

AND

.....Respondent

To:

.....
.....

You are hereby commanded to produce, or deliver, to the Appeal Board
at.....at o'clock in the forenoon/
afternoon onday of19.....the following documents:
.....
.....

Failure to comply with the summons will render you liable to prosecution under section 174 of the Penal Code.

Dated.....day of.....19.....

(SEAL)

.....
Chairman,
Appeal Board

FORM 11

FEDERAL TERRITORY (PLANNING) ACT 1982

FEDERAL TERRITORY (PLANNING) (APPEAL BOARD) RULES 1997

(Rule 21)

IN THE FEDERAL TERRITORY PLANNING APPEAL BOARD

Appeal No.

BETWEEN

.....Appellant

AND

.....Respondent

ORDER

(a) Order for appellant/respondent without hearing

This appeal having been called onday of.....for hearing before the Appeal Board in the presence of.....(*appellant/respondent) and the(*appellant/respondent) not appearing.

It is this day ordered that(recite the order made by the Appeal Board) and costs

Datedday of.....19.....

(SEAL)

.....
Chairman,
Appeal Board

(b) *Order for appellant/respondent after hearing*

This appeal having been heard before the Appeal Board onday
of

It is this day ordered that(recite the order
made by the Appeal Board) and costs as follows:
.....

Datedday of19.....

(*SEAL*)

.....
*Chairman,
Appeal Board*

(c) *Order for respondent's costs on discontinuance*

The appellant having by a notice in writing filed on day
ofdiscontinued this appeal.

It is this day ordered that the appellant do pay to the Commissioner of the
City of Kuala Lumpur RMas costs.

Datedday of19.....

(*SEAL*)

.....
*Chairman,
Appeal Board*

*Delete whichever is not applicable.

Made 30 August 1997.
[JHEU²/33/91 (K); PN. (PU²) 396/III.]

DR. MAHATHIR BIN MOHAMAD,
Prime Minister